

11 penagih dadah berjaya ditangkap

WARTAWAN SINAR HARIAN

4 Julai 2012



Sebahagian penagih dadah yang masih tinggal selepas lima daripadanya melarikan diri.

CHEMOR – Suasana kelam kabut ketika mengejar seorang penagih dadah, menyebabkan lima penagih yang telah dicekup berjaya meloloskan diri dengan tangan masih berikat. Kejadian berlaku ketika operasi tangkapan penagih oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Ulu Kuang bersama Ikatan Relawan Rakyat (Rela) Ulu Kuang dan dibantu anggota polis dari Balai Polis Kanthan, di Ladang Jalan Tanah Wakaf Kampung Ulu Kuang di sini, semalam.

Ketua operasinya, Amirruddin Abdul Rahim berkata, pihaknya membuat intipan sejak dua minggu yang lalu bagi mengenal pasti waktu penagih masuk ke kawasan itu .

Menurutnya, operasi yang bermula jam 1 petang itu berjaya menangkap seramai 11 penagih dadah. "Dua daripadanya dipercayai pengedar kerana memiliki sejumlah paket kecil dadah jenis syabu. Kebanyakan mereka orang luar tetapi terdapat orang yang sama pernah ditangkap sebelum ini.

"Kesemua mereka berusia antara 23 hingga 58 tahun, bagaimanapun lima daripadanya berjaya melarikan diri selepas hampir dua jam ditangkap walaupun dengan tangan berikat," katanya.

Beliau berkata, kelima-lima mereka mengambil kesempatan melepaskan diri ketika beberapa anggota yang terlibat dalam operasi ini mengejar seorang lagi suspek yang melalui kawasan operasi untuk ke 'port' bagi melepaskan gian. Katanya, operasi itu berakhir jam 4.30 petang dan pemantauan akan terus dilakukan oleh JKKK untuk memastikan kawasan itu bebas dari pengedaran dan penjualan dadah.